

**SOALAN NO: 59**

**PARLIMEN MALAYSIA**  
**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : Lisan**

**DARIPADA : Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ]**

**TARIKH : 6 Mac 2018 (Selasa)**

**SOALAN : Datuk Rozman Bin Isli [ Labuan ] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan apakah rangka kerja strategik Kementerian dalam menghasilkan anak benih kelapa bagi memenuhi keperluan negara khususnya pada musim perayaan serta sejauh manakah langkah kerjasama Kementerian bagi menjaga kualiti dan biokeselamatan tanaman khususnya anak benih kelapa import.**

## JAWAPAN

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengambil inisiatif dengan merangka perancangan strategik dalam menghasilkan anak benih kelapa bagi memastikan keperluan mencukupi melalui pendekatan berikut :

- i) Membangunkan pusat pengeluaran benih kelapa varieti berhasil tinggi seperti *Malayan Yellow Dwarf* (MYD), *Malayan Red Dwarf* (MRD), Matag dan Pandan;
- ii) Mewujudkan kerjasama dengan pihak swasta seperti United Plantation Berhad (UPB), National Land Finance Cooperatives Society (NLFCs), Felda Global Ventures (FGV), Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) dan Jabatan Pertanian Negeri Sabah dan Sarawak; dan
- iii) Memastikan benih dan anak pokok disahkan tulen dan berkualiti mengikut piawaian Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT).

Selain itu, antara langkah bagi menjaga kualiti dan biokeselamatan tanaman khususnya anak benih kelapa import adalah dengan mengenakan syarat pengimportan yang ketat

bagi memastikan anak benih kelapa yang diimport adalah terjamin sihat dan bebas perosak serta penyakit tumbuhan. Kementerian ini melalui Jabatan Pertanian hanya membenarkan pengimportan anak benih kelapa dari negara - negara yang tidak mempunyai risiko perosak dan penyakit yang berbahaya manakala Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) akan melakukan pemeriksaan dagangan bagi kemasukan tumbuhan, ikan, binatang, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma ke dalam negara.

MAQIS menguatkuasakan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang beroperasi di 57 buah pintu masuk di Semenanjung dan Labuan. MAQIS akan melihat dari segi kesahihan Permit Import, Sijil Kesihatan, Sijil Fitosanitasi, inois dan sebagainya. Bagi pemeriksaan fizikal, ianya dilakukan berdasarkan analisis risiko penyakit, negara pengeksport dan simptom yang kelihatan. Sekiranya terdapat makhluk perosak dan tanda-tanda penyakit secara visual/ujian makmal maka konsainan tersebut akan ditahan manakala sekiranya tiada perosak dan penyakit, konsainan tersebut akan dilepaskan.